POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

ECoS-IMS-POL-UITU-004

Disediakan oleh:	Diperakukan oleh:	Diluluskan oleh:
Unit Integriti dan Tadbir Urus (UITU)	**Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Integriti dan Tadbir Urus (JPTITU)**	**Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)**
Tarikh: 16 Oktober 2026	Tarikh: 16 Oktober 2026	Tarikh: 6 November 2026

0.0 SEJARAH SEMAKAN DAN KELULUSAN

No. Semakan	Sifat Perubahan	Kelulusan	Tarikh
00	Edisi Baru	JITU	6/11/2026

KANDUNGAN

SEKSYEN	TAJUK	MUKASURAT
1.0	OBJEKTIF	3
2.0	LATAR BELAKANG	3
3.0	KEPENTINGAN POLISI KONFLIK KEPENTINGAN	3
4.0	SKOP DAN PEMAKAIAN	4
5.0	TAKRIFAN	5
6.0	PEMILIK POLISI	7
7.0	POLISI	8
8.0	TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN	12
9.0	PENEPIAN DAN PERUBAHAN POLISI	12
10.0	SEMAKAN DAN PEMERIKSAAN	12
11.0	RUJUKAN	12

1.0 OBJEKTIF

Polisi ini menetapkan prinsip, tanggungjawab dan tatacara bagi mengenal pasti, mengisytiharkan, menilai, mengurus dan memantau konflik kepentingan supaya setiap keputusan ECoS dibuat secara objektif, bebas daripada pengaruh kepentingan peribadi dan selaras dengan integriti fungsi kawal selia sektor tenaga di Negeri Sabah.

2.0 LATAR BELAKANG

Sebagai badan kawal selia sektor tenaga Negeri Sabah, ECoS melaksanakan fungsi yang melibatkan pelesenan dan pendaftaran, kelulusan teknikal, pemantauan pemegang lesen dan utiliti, pemeriksaan, penguatkuasaan, siasatan, perolehan, pembangunan dasar dan kerangka kawal selia, perancangan sektor tenaga, tenaga boleh baharu serta urusan dengan pelbagai pihak berkepentingan.

Konflik kepentingan boleh timbul apabila kepentingan peribadi seseorang bercanggah, berpotensi bercanggah atau dilihat boleh mempengaruhi tanggungjawab rasminya. Hubungan kekeluargaan, kepentingan kewangan, pekerjaan luar, hubungan rapat, hadiah atau manfaat, serta hubungan dengan pemegang lesen, pemohon, vendor, kontraktor, perunding atau pemain industri boleh menjejaskan atau menimbulkan persepsi bahawa pertimbangan dan keputusan kawal selia tidak lagi bebas dan objektif.

Kewujudan konflik kepentingan tidak semestinya bermaksud salah laku telah berlaku. Namun konflik yang tidak didedahkan atau tidak diurus dengan sewajarnya boleh menjejaskan kewibawaan keputusan ECoS, reputasi organisasi, keyakinan Kerajaan, industri dan masyarakat serta meningkatkan risiko rasuah dan salah guna kedudukan.

3.0 KEPENTINGAN POLISI KONFLIK KEPENTINGAN

3.1 Polisi ini merupakan dokumen induk dan panduan utama terhadap perkara berkaitan konflik kepentingan.

3.2 Polisi ini juga merupakan panduan dan sumber rujukan warga ECoS berkaitan portensi timbulnya konflik kepentingan atau wujud konflik kepentingan sebenar dalam melaksanakan tanggungjawab hakiki sebagai warga ECoS.

3.3 Pengujudan polisi ini menunjukkan komitmen ECoS dalam menyokong inisiatif pencegahan rasuah oleh Kerajaan Malaysia dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

4.0 SKOP DAN PEMAKAIAN

4.1 Polisi ini terpakai kepada semua peringkat termasuk Anggota Suruhanjaya, warga ECoS serta semua pihak yang berurusan dengan ECoS sama ada di dalam atau di luar negara.

4.2 Dalam konteks polisi ini, semua pihak yang berurusan dengan ECoS merujuk kepada pihak luar yang mempunyai hubungan rasmi dan apa-apa urusan dengan ECoS seperti tetapi tidak terhad kepada kontraktor, sub-kontraktor, konsultan, ejen atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik bagi menjalankan perkhidmatan untuk atau bagi pihak ECoS.

4.3 Sebarang kerjasama atau urus niaga yang dibuat oleh ECoS dengan pihak ketiga adalah tertakhluk kepada syarat kontrak yang jelas, termasuk peruntukan tertentu yang mewajibkan pihak ketiga mematuhi standard minimum dan prosedur yang berkaitan dengan rasuah.

5.0 TAKRIFAN

Takrifan berikut adalah terdapat dalam polisi ini.

Akta SPRM 2009	Akta 694 - Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 termasuk pindaan-pindaan yang diwartakan.
Anggota Suruhanjaya	Anggota Suruhanjaya yang ditubuhkan di bawah Seksyen 5 Enakmen Suruhanjaya Tenaga Sabah 2023.
ECoS	Energy Commission of Sabah
Hadiah	Hadiah merujuk kepada sesuatu yang diberikan kepada seseorang dengan mengharapkan balasan atas sesuatu urusan atau perniagaan.
JITU	Jawatankuasa Integriti & Tadbir Urus
JPTITU	Jawatankuasa Pengurusan Tertinggi Integriti & Tadbir Urus
Kelakuan Tidak Wajar (KTW)	Kelakuan Tidak Wajar yang bermaksud apa-apa salah laku atau kesalahan jenayah sama ada cubaan, disyaki atau telah berlaku, termasuk tetapi tidak terhad seperti berikut :- a. Rasuah b. Kecurian atau menggelapkan wang organisasi c. Konflik kepentingan d. Tuntutan palsu e. Salah guna kuasa f. Kesalahan jenayah g. Kegagalan mematuhi polisi dan prosidur, Kod Etika dan peraturan

	yang telah dimaktubkan oleh organisasi h. Kegagalan dalam mematuhi obligasi undang-undang atau kawal selia i. Salah guna harta/asset organisasi j. Tidak melaksanakan keadilan k. Membahayakan kesihatan dan keselamatan individu lain l. Gangguan atau ugutan m. Lain lain salahlaku tatatertib yang telah dinyatakan oleh organisasi Menyembunyikan apa-apa perbuatan di atas.
Kepentingan Peribadi	Apa-apa kepentingan kewangan atau bukan kewangan yang memberi manfaat kepada individu atau orang berkait rapat dengannya.
Ketua Jabatan	Ketua Jabatan meliputi Pengarah-pengarah jabatan di ECoS yang menyelia warga ECoS di bawahnya.
Konflik Berpotensi	Keadaan yang pada masa hadapan boleh berkembang menjadi konflik kepentingan sebenar.
Konflik Kepentingan	Apabila seseorang boleh mempengaruhi atau berpotensi mempengaruhi sebarang keputusan bagi ECoS atau berkaitan kerja hakiki.
Konflik Persepsi	Keadaan yang boleh menyebabkan pihak munasabah melihat seolah-olah kepentingan peribadi mempengaruhi keputusan, walaupun pengaruh sebenar mungkin tidak berlaku.

Konflik Sebenar	Konflik yang sedang wujud antara kepentingan peribadi dengan tanggungjawab rasmi.
Pengisytihar Konflik	Mana-mana individu yang tertakluk kepada Polisi ini yang membuat pengisytiharan mengenai konflik kepentingan sebenar, berpotensi atau persepsi yang melibatkan dirinya dalam pelaksanaan tugas atau urusan dengan ECoS.
Sekutu Perniagaan	Mana-mana pihak luar yang mempunyai hubungan perniagaan, kontrak atau kerjasama dengan ECoS, termasuk tetapi tidak terhad kepada pembekal, kontraktor, subkontraktor, perunding, ejen serta pihak ketiga yang dilantik untuk menjalankan perkhidmatan untuk atau bagi pihak ECoS.
UITU	Unit yang ditubuhkan di ECoS untuk menjalankan 4 fungsi utama dalam teras pengukuhan Governans, Integriti & Antirasuah (iaitu Tadbir Urus, Pengukuhan Integriti, Pengurusan Aduan dan Pengesanan & Pengesahan).
Warga ECoS	Semua individu yang mempunyai ikatan kontrak secara langsung dengan ECoS atas dasar pekerjaan termasuklah Ketua Pegawai Eksekutif dan pekerja bawahannya.

6.0 PEMILIK POLISI

Pemilik Polisi Konflik Kepentingan ini ialah UITU, ECoS.

7.0 POLISI

7.1 Konflik Kepentingan berlaku apabila kepentingan peribadi seseorang sama ada mempengaruhi, berpotensi mempengaruhi atau dianggap boleh mempengaruhi pembuatan keputusan mereka di ECoS. Oleh itu, ECoS mentakrifkan Konflik Kepentingan secara umum seperti berikut:

a) Konflik Kepentingan Sebenar

Situasi apabila kepentingan peribadi seseorang pegawai secara langsung bercanggah dengan tanggungjawab rasminya sehingga boleh mempengaruhi pertimbangan, tindakan atau keputusan yang dibuat.

Contoh: Warga ECoS terlibat dalam proses penilaian tender yang disertai oleh syarikat milik ahli keluarganya.

b) Konflik Kepentingan Berpotensi

Situasi apabila kepentingan peribadi seseorang pegawai belum menjejaskan tanggungjawab rasminya, namun berkemungkinan menimbulkan percanggahan kepentingan atau mempengaruhi pertimbangan dan keputusan pada masa hadapan.

Contoh: Warga ECoS mempunyai ahli keluarga yang bekerja di syarikat pemegang lesen yang berkemungkinan berada di bawah seliaan atau pengawalannya pada masa hadapan.

c) Konflik Kepentingan Persepsi

Situasi apabila seseorang pegawai dilihat atau dianggap mempunyai kepentingan peribadi yang boleh mempengaruhi pertimbangan, tindakan atau keputusan rasminya, walaupun tiada konflik kepentingan sebenar berlaku.

Contoh: Warga ECoS mempunyai hubungan persahabatan rapat dengan pemilik syarikat yang dikawal selia oleh ECoS sehingga menimbulkan persepsi bahawa keputusan yang dibuat mungkin dipengaruhi oleh hubungan tersebut.

Ketiga-tiga jenis konflik ini berpotensi mendatangkan risiko kepada ECoS, orang yang terlibat dan mana-mana pihak luar yang terjejas seperti Sekutu Perniagaan. Oleh itu, kesemua konflik sebenar, berpotensi atau yang dianggap berlaku hendaklah diisytiharkan dan diuruskan menurut Polisi ini.

7.2 Konflik Kepentingan boleh timbul daripada aset peribadi, pendapatan atau faktor lain pada seseorang yang boleh mempengaruhi pembuatan keputusan mereka atau apabila pembuatan keputusan mereka boleh dipengaruhi oleh 'Orang Berkait Rapat' seperti kawan atau saudara.

7.3 Polisi ini menetapkan bahawa pendedahan dan pengurusan Konflik Kepentingan merupakan tanggungjawab pada semua peringkat.

a) Semua Anggota Suruhanjaya dan warga ECoS hendaklah mengambil langkah yang perlu untuk memahami maksud Konflik Kepentingan mengelakkan konflik sedemikian seboleh mungkin dan mengisytiharkannya jika ia timbul.

b) Anggota Suruhanjaya dan warga ECoS hendaklah membaca maklumat yang diberikan oleh ECoS berhubung dengan Konflik Kepentingan termasuk Polisi ini, supaya mereka memahami konsep dan dapat mengenal pasti konflik sebaik sahaja ia timbul. Anggota Suruhanjaya dan warga ECoS yang berada dalam situasi apabila terdapat kemungkinan berlakunya konflik juga perlu mengikuti sebarang latihan / program kesedaran yang disediakan.

c) Sesetengah Konflik Kepentingan boleh diurus melalui pendedahan dan pemantauan tanpa memerlukan tindakan lanjut. Walau bagaimanapun, sebahagiannya mendatangkan risiko yang tinggi terhadap reputasi atau kepentingan ECoS dan konflik ini harus dielakkan. 'Mengelakkan' Konflik Kepentingan

bermaksud Anggota Suruhanjaya dan warga ECoS mengambil keputusan atau tindakan untuk memastikan Konflik Kepentingan tidak berlaku sama ada sebenar, berpotensi atau yang dianggap berlaku.

7.4 Anggota Suruhanjaya dan warga ECoS hendaklah membuat perisytiharan Konflik Kepentingan secara berjadual dan secara khusus apabila timbulnya konflik.

a) Perisytiharan berjadual

Hendaklah dibuat secara tahunan seperti berikut:

i. Bagi Anggota Suruhanjaya, perisytiharan hendaklah dibuat dan akan diuruskan oleh Setiausaha Suruhanjaya.

ii. Bagi warga ECoS, pengisytiharan oleh semua kakitangan hendaklah dibuat dan diuruskan oleh UITU.

b) Perisytiharan khusus

Selain itu, Anggota Suruhanjaya dan warga ECoS hendaklah membuat pengisytiharan secara *ad hoc* jika dan apabila sesuatu konflik timbul pada bila-bila masa seperti berikut:

i. Bagi Anggota Suruhanjaya, perisytiharan khusus hendaklah dibuat dan diuruskan oleh Setiausaha Suruhanjaya.

ii. Bagi warga ECoS, perisytiharan khusus hendaklah dibuat dan dirujuk kepada Ketua Jabatan atau UITU.

7.5 Anggota Suruhanjaya dan warga ECoS hendaklah mendedahkan semua jenis Konflik Kepentingan sebaik sahaja konflik itu timbul.

a) Sekiranya terdapat Konflik Kepentingan, tindakan yang perlu dilakukan adalah mendedahkannya kepada pihak atasan mereka dengan segera (“Pendedah Maklumat”). Kebanyakan situasi Konflik Kepentingan boleh ditangani dengan cara yang mudah dan dipersetujui bersama melalui penilaian tahap risiko. Bagi memastikan rekod yang tepat, Pendedah Maklumat

hendaklah kemudiannya melengkapkan borang Pendedahan Konflik Kepentingan walaupun jika tiada tindakan lanjut diperlukan. Tindakan ini bertujuan melindungi orang itu jika perkara tersebut timbul pada masa hadapan.

b) Jika Pengisytihar Konflik berasa tidak selesa untuk membincangkan isu itu dengan atasannya, dia hendaklah berhubung dengan UITU dan membincangkan cara untuk menguruskan konflik.

c) Pendedahan harus dilakukan sebaik sahaja orang itu sedar bahawa mungkin terdapat Konflik Kepentingan.

d) Anggota Suruhanjaya hendaklah mendedahkan konflik kepada Pengerusi dan mengecualikan dirinya daripada turut membuat keputusan atau cuba mempengaruhi keputusan.

e) Ahli mana-mana jawatankuasa yang terlibat dalam proses perolehan hendaklah mendedahkan konflik kepada Pengerusi jawatankuasa dan mengecualikan dirinya daripada turut membuat keputusan atau cuba mempengaruhi keputusan.

f) Kakitangan Baharu yang diambil bekerja hendaklah mendedahkan semua Konflik Kepentingan dengan ECoS semasa proses pengambilan. Apa-apa konflik sebenar, berpotensi atau yang dianggap berlaku yang disedari oleh Kakitangan Baharu hendaklah diisytiharkan seberapa segera.

7.6 Pelaporan Salah Laku yang Mungkin Berlaku/Tiada Tindakan Balas

a) Mana-mana orang yang mendapati kemungkinan pelanggaran undang-undang yang terpakai atau Polisi ini dikehendaki melaporkan rasa syak mereka dengan segera sama ada kepada

UITU atau melalui saluran pelaporan rasmi yang disediakan oleh ECoS dengan merujuk Polisi Pemberi Maklumat.

b) Kakitangan yang melaporkan salah laku atau kelakuan tidak wajar ("KTW") yang mungkin berlaku atau sesiapa yang memberikan maklumat atau memberikan bantuan dalam apa-apa siasatan atau penyiasatan tentang kemungkinan salah laku atau KTW akan dilindungi daripada tindakan balas.

8.0 TINDAKAN KE ATAS KETIDAKPATUHAN

ECoS mengambil serius terhadap jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam organisasi. Maka, ECoS tidak akan bertoleransi dfdengan mana-mana pihak sama ada warga ECoS sendiri mahupun pihak ketiga jika didapati tidak mematuhi polisi atau terlibat dengan apa-apa jenayah rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan. ECoS akan mengambil tindakan yang tegas terhadap individu yang terlibat. Selain itu, individu tersebut boleh dikenakan tindakan undang-undang di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta SPRM 2009).

9.0 PENEPIAN DAN PERUBAHAN POLISI

Sebarang penepian atau perubahan terhadap polisi ini haruslah diperakukan oleh JPTITU dan diluluskan oleh JITU.

10.0 SEMAKAN DAN PEMERIKSAAN

Polisi ini merupakan dokumen terbuka dimana UITU bertanggungjawab untuk mengemaskini dan menambah baik kandungan dokumen dari semasa ke semasa mengikut garis panduan garis panduan yang berkaitan rasuah di peringkat ECoS atau Negara.

11.0 RUJUKAN

Polisi ini perlu dibaca bersama dengan mana-mana pekeliling, prosedur dan surat edaran berkaitan yang berkuatkuasa.